Book fair expenses - Petaling Jaya Book Expo	400	5,226
Book fair expenses - Seoul International Book Fair	20,473	27,105
Educational Publisher Forum expenses	-	10
	<u>303,289</u>	<u>236,320</u>
GROSS PROFIT	26,931	4,472
LESS : OPERATING EXPENSES		
ADMINISTRATION EXPENSES	(62,823)	(28,537)
OTHER OPERATING EXPENSES	(1,829)	(1,829)
LOSS BEFORE TAX	<u>(37,721)</u>	<u>(25,894)</u>

This statement is prepared for the purpose of the Management's use only and does not form part of the statutory audited financial statements.

Registration No : 201301026353 (1056183-U)

MABOPA EVENTS SDN. BHD.
(Incorporated in Malaysia)

OPERATING EXPENSES
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2025

	2025	2024
	RM	RM
ADMINISTRATION EXPENSES		
Audit fee	3,500	3,000
Bank charges	494	397
Book fair expenses	23,783	-
Defined contribution plan	3,120	1,527
Employment insurance system	47	23
Filing fee	200	200
Licence fee	200	200
Office expenses	530	300
Penalty	13	-
Postage	9	-
Printing and stationary	220	319
Professional fee	2,000	1,700
Salaries, wages and allowances	25,200	16,927
Secretarial fee	1,980	1,630
Service charges	268	244
Social security contribution	410	203
Subscription fee	130	-
Telephone charges	-	101
Training fee	405	-
Travelling and accomodation	314	304
Upkeep of office equipment	-	1,208
Website expenses	-	254
	<u>62,823</u>	<u>28,537</u>
OTHER OPERATING EXPENSES		
Depreciation of property, plant and equipment	<u>1,829</u>	<u>1,829</u>
	<u>1,829</u>	<u>1,829</u>
	<u>64,652</u>	<u>30,366</u>

This statement is prepared for the purpose of the Management's use only and does not form part of the statutory audited financial statements.

6.3 PENGESAHAN JURUAUDIT DALAMAN 1



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

PENGESAHAN JURUAUDIT DALAMAN

Saya Mohammad Hafiz Bin Abdul Latiff, No. KP 850710085549 dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menyemak Penyata Akaun Tahunan MABOPA bagi tahun kewangan berakhir 2025 dan berpuas hati bahawa penyata tersebut adalah teratur serta memuaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(MOHAMMAD HAFIZ BIN ABDUL LATIFF)

Tarikh: 24/05/2026

6.3 PENGESAHAN JURUAUDIT DALAMAN 2



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

PENGESAHAN JURUAUDIT DALAMAN

Saya Khor Shuqi, No. KP 880623075155 dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menyemak Penyata Akaun Tahunan MABOPA bagi tahun kewangan berakhir 2025 dan berpuas hati bahawa penyata tersebut adalah teratur serta memuaskan.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(KHOR SHUQI)

Tarikh: 22/5/2026

[Halaman ini dibiarkan kosong dengan sengaja.]



LAMPIRAN

7.0 LAMPIRAN



JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
(Register Of Societies Malaysia)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Tingkat 8, Wisma PKPS
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 03-56501590
Laman Web : <http://www.ros.gov.my>
<http://www.eroses.gov.my>

Ruj. Kami : PPP/SEL.600-2/2/6 Jld.12 (6)

Tarikh : 17 April 2026

Setiausaha
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA
(MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION)
7-6, Blok E2, Jalan PJU 1/42A,
Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor

Tuan,

**MAKLUMAN PENANGGUHAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN AGM
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS
ASSOCIATION) (PPM-002-10-14011969)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan yang bertarikh 10 April 2026 adalah berkaitan.

2. Jabatan ini mengambil maklum berkaitan pemakluman penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan daripada pertubuhan untuk mengadakannya pada 03 Jun 2026. Adalah diingatkan bahawa urusan mengadakan mesyuarat tersebut telah dinyatakan dengan jelas dalam perlembagaan. Sehubungan itu, persatuan perlu mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang termaktub dalam perlembagaan atau melaksanakannya dengan kadar segera sekiranya telah melebihi tempoh yang ditetapkan dalam perlembagaan. Persatuan boleh juga melaksanakan mesyuarat agung secara hibrid.

3. Sila ambil perhatian bahawa sesuatu pertubuhan berdaftar yang sengaja melanggar peruntukkan Akta Pertubuhan 1966 serta undang-undang berdaftar boleh mengakibatkan pendaftaran pertubuhan tersebut dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NURUL AZHAR BIN HUSIN)

Pengarah
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
Negeri Selangor

Sila nyatakan Ruj. Kami semasa berurusan
(Ditubuhkan Sejak 1 September 1949)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: KPM.600-6/1/3 Jld 19(98)
Tarikh: 16 Jun 2025

Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
No 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A,
Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)
ANGGARAN KUANTITI PESANAN BUKU TEKS CETAK SEMULA OLEH PENERBIT
SWASTA BAGI PEMBEKALAN TAHUN 2025 KEGUNAAN TAHUN 2026**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa ahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) telah selesai menyelaras pesanan Buku Teks Cetak Semula (BCS) oleh penerbit swasta bagi pembekalan tahun 2025 kegunaan tahun 2026.
3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan rumusan anggaran pesanan BCS oleh penerbit swasta bagi pembekalan tahun 2025 kegunaan tahun 2026 mengikut pecahan judul dan penerbit untuk makluman, rujukan dan tindakan oleh pihak penerbit yang terlibat seperti pada pautan <https://bit.ly/3FQKegg>
4. Anggaran pesanan ini adalah berdasarkan kepada permohonan sekolah bagi pesanan tahun 2025 dan hanya boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pihak penerbit bagi tujuan percetakan dan penyediaan stok. Adalah diingatkan bahawa data anggaran yang dikemukakan bukan data rasmi pesanan buku teks dan **tidak boleh dijadikan sebagai ikatan pesanan kerajaan dengan penerbit.**
5. Untuk makluman, data pesanan sebenar akan diserahkan kepada pihak penerbit oleh pihak pembekal bagi tender pembekalan BCS tahun 2025 setelah menerima pesanan kontrak yang akan dikeluarkan oleh BSTP dan Jabatan Pendidikan Negeri.

...2/-

“Peneraju Generasi Digital”

6. Maklumat lanjut berkaitan perkara di atas boleh diperolehi daripada **En. Abd Razak bin Mohamad Yusof** di talian **03-8884 4312** atau **En. Mohd Hairi bin Yusof** di talian **03-8884 4300**.

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORHAYATI BINTI AB WAHAB)

Timbalan Pengarah Kanan
Kluster Dasar, Kualiti dan Penghasilan
Menanggung Tugas Jawatan Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

mhy/mohdhairi/spbt2025

DATA ANGGARAN PESANAN BUKU TEKS CETAKAN SEMULA BAGI PEMBEKALAN TAHUN 2025 KEGUNAAN TAHUN 2026 DI SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**ENCIK MOHD HAIRI BIN YUSOF (MOE)** <mohd.hairi@moe.gov.my>

Tue, Jul 1, 2025 at 4:20 PM

To: "Sheikh Faisal (Shake) BOOK PROJECTS" <shake@bookprojects.com.my>, Sivabalan Sothinathan UMA <siva@mybookcentre.com>, Syazrul Aqram PATRIOT <syazrulaqram@thepatriots.asia>, info@mabopa.com.my

RALAT PAUTAN ANGGARAN PESANAN BUKU TEKS CETAK SEMULA PEMBEKALAN TAHUN 2025 KEGUNAAN TAHUN 2026 BAGI PENERBIT SWASTA.

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya merujuk perkara di atas dan e-mel bertarikh **18 JUN 2025** adalah berkaitan.2. Untuk makluman, pautan asal dalam e-mel tersebut tidak merujuk kepada anggaran pesanan untuk penerbit. Pautan sebenar yang perlu dirujuk adalah seperti dalam surat **KPM 600.6/1/3 Jld 19 (98)** iaitu <https://bit.ly/3FQKepg>3. Maklumat lanjut berkaitan perkara di atas boleh diperoleh daripada **En. Abd Razak bin Mohamad Yusof** di talian **03-8884 4312** atau **En. Mohd Hairi bin Yusof** di talian **03-8884 4300**.

Segala kesulitan amat disesali. Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"****MOHD HAIRI BIN YUSOF**

Penolong Pengarah

Unit Skim Pinjaman Buku Teks

Sektor Dasar, Perancangan & Penyelidikan

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 3, Blok E15, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

64604 Putrajaya

Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: **03-8884 4300**E-mel : mohd.hairi@moe.gov.my

[Quoted text hidden]



MALYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PUJ 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan kami: mabopa/bstp/2025(2)

Tarikh: 22 Julai 2025

YBrs. Puan Aniza Binti Kamarulzaman.

Pengarah,
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP),
Pesiaran Bukit Kiara, Bukit Damansara,
50604 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

YBrs. Puan ,

KESAN PELAKSANAAN SST DAN INFLASI KOS KE ATAS KONTRAK BUKU TEKS CETAK SEMULA (BCS)

Dengan segala hormatnya, kami rujuk kepada perkara di atas.

Pihak MABOPA mengucapkan terima kasih kepada BSTP bagi pesanan Buku Teks Cetak Semula melalui kontraktor pembekalan baru-baru ini. Pihak kami dengan rendah diri meminta pihak BSTP mempertimbangkan peningkatan harga buku teks BCS oleh kerana SST dan impak kos lain.

1. Latar belakang

Kontrak-kontrak BCS menetapkan harga pada kadar asal ketika buku diterbitkan. Mulai 1 Julai 2025, kertas cetak dikenakan *sales tax* 10 %, perkhidmatan percetakan kekal 8 % dan logistik/gudang kini tertakluk *service tax* 6 %. Selain itu kenaikan harga kertas, dakwat, gaji minimum, tarif elektrik dan diesel yang berlaku sejak 2024 juga telah meningkatkan kos buku.

2. Impak kos SST dan Inflasi

Pihak MABOPA menganggarkan bahawa SST akan meningkatkan kos buku teks BCS sebanyak 6 %.

Selain itu, inflasi kos bukan cukai, iaitu kenaikan harga kertas, dakwat, gaji minimum, tarif elektrik dan diesel yang berlaku sejak 2024 dianggarkan mengakibatkan peningkatan kos buku teks BCS sebanyak 3-5%.

Ringkasnya: kos buku teks BCS keseluruhan kini dianggarkan meningkat 9% - 11% berbanding tahun 2024.

Rujukan kami: mabopa/bstp/2025(2)

(Nota: Bayaran 2% kepada KWSP bagi pekerja asing daripada bulan Oktober tidak disertakan dalam anggaran ini).

3. Risiko kepada bekalan buku teks

Dengan mengambil kira pesanan BCS yang hanya memerlukan kuantiti cetakan yang sangat rendah, bersama impak SST dengan inflasi kos lain, pihak penerbit boleh menghadapi kerugian daripada cetakan bahan BCS dengan harga kontrak asal. Di sini terdapat risiko bahawa penerbit yang tidak dapat menangani kos tersebut mungkin tidak dapat menyediakan buku teks BCS, sekaligus menjejaskan bekalan, dan/atau kualiti buku teks.

4. Permohonan MABOPA

- a. Meluluskan penyelarasan harga kontrak BCS sekurang-kurangnya bersamaan SST + Inflasi kos-kos lain.
- b. Mempertimbangkan pilihan pengecualian SST bagi aktiviti berkait buku sebagai langkah jangka panjang.

Pihak MABOPA meminta jasa baik Puan untuk mempertimbangkan isu ini. Pihak kami sedia membincangkan perkara ini selanjutnya dengan pihak BSTP.

Sekian, terima kasih

Yang benar,


(SHEIKH FAISAL SHEIKH MANSOR)
Presiden Sesi 2025/2027

BSTP2025/SS

Kesan Pelaksanaan SST Dan Inflasi Kos ke Atas Kontrak Buku Teks Cetak Semula (BCS)

1 message

Irdahwati Md Jani <mabopahq@gmail.com>

Tue, Jul 22, 2025 at 4:43 PM

To: "aniza@moe.gov.my" <aniza@moe.gov.my>

Cc: MABOPA President <president@mabopa.com.my>, Sivabalan Sothinathan <siva@mybookcentre.com>, nurulzakiyah@moe.gov.my

YBrs. Puan Aniza Binti Kamarulzaman,

KESAN PELAKSANAAN SST DAN INFLASI KOS KE ATAS KONTRAK BUKU TEKS CETAK SEMULA (BCS)

Dengan segala hormatnya, kami rujuk kepada perkara di atas.

Pihak MABOPA mengucapkan terima kasih kepada BSTP bagi pesanan Buku Teks Cetak Semula melalui kontraktor pembekalan baru-baru ini. Pihak kami dengan rendah diri meminta pihak BSTP mempertimbangkan peningkatan harga buku teks BCS oleh kerana SST dan impak kos lain.

1. Latar belakang

Kontrak-kontrak BCS menetapkan harga pada kadar asal ketika buku diterbitkan. Mulai 1 Julai 2025, kertas cetak dikenakan *sales tax* 10 %, perkhidmatan percetakan kekal 8 % dan logistik/gudang kini tertakluk *service tax* 6 %. Selain itu kenaikan harga kertas, dakwat, gaji minimum, tarif elektrik dan diesel yang berlaku sejak 2024 juga telah meningkatkan kos buku.

2. Impak kos SST dan Inflasi

Pihak MABOPA menganggarkan bahawa SST akan meningkatkan kos buku teks BCS sebanyak 6 %.

Selain itu, inflasi kos bukan cukai, iaitu kenaikan harga kertas, dakwat, gaji minimum, tarif elektrik dan diesel yang berlaku sejak 2024 dianggarkan mengakibatkan peningkatan kos buku teks BCS sebanyak 3-5%.

Ringkasnya: kos buku teks BCS keseluruhan kini dianggarkan meningkat 9% - 11% berbanding tahun 2024.

(Nota: Bayaran 2% kepada KWSP bagi pekerja asing daripada bulan Oktober tidak disertakan dalam anggaran ini).

3. Risiko kepada bekalan buku teks

Dengan mengambil kira pesanan BCS yang hanya memerlukan kuantiti cetakan yang sangat rendah, bersama impak SST dengan inflasi kos lain, pihak penerbit boleh menghadapi kerugian daripada cetakan bahan BCS dengan harga kontrak asal. Di sini terdapat risiko bahawa penerbit yang tidak dapat menangani kos tersebut mungkin tidak dapat menyediakan buku teks BCS, sekaligus menjejaskan bekalan, dan/atau kualiti buku teks.

4. Permohonan MABOPA

- a. Meluluskan penyesuaian harga kontrak BCS sekurang-kurangnya bersamaan SST + Inflasi kos-kos lain.
- b. Mempertimbangkan pilihan pengecualian SST bagi aktiviti berkait buku sebagai langkah jangka panjang.

Pihak MABOPA meminta jasa baik Puan untuk mempertimbangkan isu ini. Pihak kami sedia membincangkan perkara ini selanjutnya dengan pihak BSTP.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

(SHEIKH FAISAL SHEIKH MANSOR)

Presiden Sesi 2025/2027

-
[Irdahwati Md Jani](#)

Executive Secretary
Malaysian Book Publishers Association (MABOPA)
7-6, Blok E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: +6 03 78805840
Fax: +6 03 78805841
Mobile: +6 012 3163236
E-mail: info@mabopa.com.my

Website: www.mabopa.com.my
Facebook: Malaysian Book Publishers Association (MABOPA)



MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011989)

No. 7-6, Block E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan kami: mabopa/bstp/2025(1)

Tarikh: 22 Julai 2025

YBrs. Puan Aniza Binti Kamarulzaman.

Pengarah,

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP),

Pesiaran Bukit Kiara, Bukit Damansara,

50604 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

YBrs. Puan,

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN BAHAN DIGITAL (VI, LO DAN LAIN-LAIN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) mengalu-alukan dan menghargai usaha Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) untuk memodenkan bahan pembelajaran dengan penyediaan kandungan digital. Usaha sebegini pastinya dapat menaikkan taraf kualiti pendidikan negara.

3. Hasil penelitian dan maklum balas daripada ahli-ahli kami, beberapa perkara berbangkit dalam usaha pembangunan kandungan digital ini yang memerlukan perhatian dan pertimbangan pihak BSTP demi memastikan kualiti bahan serta kelestarian ekosistem penerbitan tempatan terpelihara.

a. Penetapan Harga Perkhidmatan

Harga siling yang ditetapkan dalam sebutharga terkini terlalu rendah berbanding skop kerja yang merangkumi pelbagai aspek termasuk perancangan pedagogi, penulisan, ilustrasi, animasi, interaktiviti, dan penilaian oleh pengguna. Akibatnya, banyak penerbit mapan tidak dapat menyertai kerana kos sebenar melebihi peruntukan. Situasi ini boleh

menjejaskan kualiti bahan serta meminggirkan kepakaran industri yang telah terbukti selama ini.

b. Pengelompokan Bahasa Cina dan Tamil

Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah digabungkan dalam satu sebutharga. Kedua-dua mata pelajaran ini mempunyai silibus, pendekatan pedagogi, dan ekosistem penerbitan yang berbeza. Pengelompokan ini menyukarkan penyertaan penerbit yang mempunyai kepakaran sesuatu bidang. Ini boleh mengakibatkan penghasil kandungan yang terlibat menghasilkan kandungan yang kurang tepat dan tidak sensitif budaya. Pendekatan begini juga dapat menjejaskan kelestarian sektor-sektor kecil dalam ekosistem penerbitan yang bergantung kepada pendapatan daripada aktiviti khusus (contohnya penghasilan bahan dalam bahasa ibunda negara).

c. Kos Bengkel & Penilaian

Sebutharga mewajibkan penghasil kandungan menanggung kos bengkel, termasuk penginapan penilai KPM. Kos penilaian dan penaiktarafan seharusnya dibiayai oleh KPM seperti amalan tender terdahulu. Ini kerana agar dana yang diperuntukkan benar-benar dapat dimanfaatkan untuk penghasilan kandungan berkualiti.

d. Ketelusan Maklumat Kontrak

Maklumat terperinci kos bengkel tidak dinyatakan secara jelas dalam dokumen sebutharga. Pemenang hanya dapat tahu aspek ini pada waktu untuk menandatangani Surat Setuju Terima (SST). Pemenang sebutharga tiada ruang masa yang munasabah untuk meneliti dan membangkitkan perkara ini sebelum menandatangani SST.

4. Sehubungan ini, MABOPA memohon pertimbangan BSTP untuk tender dan sebutharga masa depan:

- a. Menyemak semula struktur harga agar selaras dengan kos sebenar penyediaan kandungan digital berkualiti.
- b. Mengasingkan sebutharga Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya setiap segmen dapat dilayani mengikut keperluan pedagogi dan industri masing-masing.
- c. Memohon KPM menanggung segala kos bengkel/penilaian, dan mengeluarkan perbelanjaan tersebut daripada komponen harga kandungan daripada penerbit.

Rujukan kami: mabopa/bstp/2025(1)

- d. Memastikan dokumen dengan jelas menyatakan semua obligasi kos lebih awal dalam iklan sebutharga, bagi mengelakkan salah faham serta melindungi integriti proses perolehan.
5. Kami percaya penambahbaikan ini akan memupuk pertandingan sihat, dan meningkatkan kualiti bahan digital, di samping menyokong Dasar Pendidikan Digital KPM.
6. Segala kerjasama dan pertimbangan pihak Puan amat dihargai. MABOPA mengucapkan terima kasih atas komitmen BSTP dalam memajukan pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(SHEIKH FAISAL SHEIKH MANSOR)

Presiden Sesi 2025/2027

BSTP2025/SS

Sebutharga Perkhidmatan Pembangunan Bahan Digital (VI, LO dan lain-lain)

1 message

Irdahwati Md Jani <mabopahq@gmail.com>

Tue, Jul 22, 2025 at 4:40 PM

To: "aniza@moe.gov.my" <aniza@moe.gov.my>

Cc: MABOPA President <president@mabopa.com.my>, Sivabalan Sothinathan <siva@mybookcentre.com>, nurulzakiyah@moe.gov.my

YBrs. Puan Aniza Binti Kamarulzaman,

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN BAHAN DIGITAL (VI, LO DAN LAIN-LAIN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) mengalu-alukan dan menghargai usaha Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) untuk memodenkan bahan pembelajaran dengan penyediaan kandungan digital. Usaha sebegini pastinya dapat menaikkan taraf kualiti pendidikan negara.

3. Hasil penelitian dan maklum balas daripada ahli-ahli kami, beberapa perkara berbangkit dalam usaha pembangunan kandungan digital ini yang memerlukan perhatian dan pertimbangan pihak BSTP demi memastikan kualiti bahan serta kelestarian ekosistem penerbitan tempatan terpelihara.

a. Penetapan Harga Perkhidmatan

Harga siling yang ditetapkan dalam sebutharga terkini terlalu rendah berbanding skop kerja yang merangkumi pelbagai aspek termasuk perancangan pedagogi, penulisan, ilustrasi, animasi, interaktiviti, dan penilaian oleh pengguna. Akibatnya, banyak penerbit mapan tidak dapat menyertai kerana kos sebenar melebihi peruntukan. Situasi ini boleh menjejaskan kualiti bahan serta meminggirkan kepakaran industri yang telah terbukti selama ini.

b. Pengelompokan Bahasa Cina dan Tamil

Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah digabungkan dalam satu sebutharga. Kedua-dua mata pelajaran ini mempunyai silibus, pendekatan pedagogi, dan ekosistem penerbitan yang berbeza. Pengelompokan ini menyukarkan penyertaan penerbit yang mempunyai kepakaran sesuatu bidang. Ini boleh mengakibatkan penghasil kandungan yang terlibat menghasilkan kandungan yang kurang tepat dan tidak sensitif budaya. Pendekatan begini juga dapat menjejaskan kelestarian sektor-sektor kecil dalam ekosistem penerbitan yang bergantung kepada pendapatan daripada aktiviti khusus (contohnya penghasilan bahan dalam bahasa ibunda negara).

c. Kos Bengkel & Penilaian

Sebutharga mewajibkan penghasil kandungan menanggung kos bengkel, termasuk penginapan penilai KPM. Kos penilaian dan penakrifan seharusnya dibiayai oleh KPM seperti amalan tender terdahulu. Ini kerana agar dana yang diperuntukkan benar-benar dapat dimanfaatkan untuk penghasilan kandungan berkualiti.

d. Ketelusan Maklumat Kontrak

Maklumat terperinci kos bengkel tidak dinyatakan secara jelas dalam dokumen sebutharga. Pemenang hanya dapat tahu aspek ini pada waktu untuk menandatangani Surat Setuju Terima (SST). Pemenang sebutharga tiada ruang masa yang munasabah untuk meneliti dan membangkitkan perkara ini sebelum menandatangani SST.

4. Sehubungan ini, MABOPA memohon pertimbangan BSTP untuk tender dan sebutharga masa depan:

- a. Menyemak semula struktur harga agar selaras dengan kos sebenar penyediaan kandungan digital berkualiti.
- b. Mengasingkan sebutharga Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya setiap segmen dapat dilayani mengikut keperluan pedagogi dan industri masing-masing.
- c. Memohon KPM menanggung segala kos bengkel/penilaian, dan mengeluarkan perbelanjaan tersebut daripada komponen harga kandungan daripada penerbit.
- d. Memastikan dokumen dengan jelas menyatakan semua obligasi kos lebih awal dalam iklan sebutharga, bagi mengelakkan salah faham serta melindungi integriti proses perolehan.

5. Kami percaya penambahbaikan ini akan memupuk pertandingan sehat, dan meningkatkan kualiti bahan digital, di samping menyokong Dasar Pendidikan Digital KPM.

6. Segala kerjasama dan pertimbangan pihak Puan amat dihargai. MABOPA mengucapkan terima kasih atas komitmen BSTP dalam memajukan pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(SHEIKH FAISAL SHEIKH MANSOR)

Presiden Sesi 2025/2027

-

[Irdahwati Md Jani](#)

Executive Secretary
Malaysian Book Publishers Association (MABOPA)
7-6, Blok E2, Jalan PJU 1/42A, Dataran Prima
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: +6 03 78805840
Fax: +6 03 78805841
Mobile: +6 012 3163236
E-mail: info@mabopa.com.my

Website: www.mabopa.com.my
Facebook: Malaysian Book Publishers Association (MABOPA)

|

 **mabopa_bstp_2025(1)_ MABOPA letter to BSTP - Sebutharga Bahan Digital .pdf**
99K



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Educational Resources and Technology Division
Persiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 603-2081 7777
Fax: 603-2081 7788

Ruj Kami: KPM.300-6/1/1 (15)

Tarikh: 20 Ogos 2025

Tuan Sheikh Faisal Sheikh Mansor

Presiden MABOPA,
No. 7-6, Block E2,
Jalan PJU 1/42A,
Dataran Prima,
47301, Petaling Jaya,
Selangor

Tuan,

SESI LIBAT URUS BERKAITAN HAK CIPTA DALAM PENGHASILAN BUKU TEKS

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan (KPM) akan mengadakan satu sesi libat urus bersama pihak Malaysia Book Publishers Association (MABOPA) bagi membincangkan perkara berkaitan dengan hak cipta dalam penghasilan buku teks terbitan KPM.

3. Sehubungan dengan itu, pihak MABOPA adalah dijemput untuk hadir ke sesi libat urus tersebut yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 21 Ogos 2025 (Khamis)
Masa: 9.00 pagi
Tempat: Bilik Mesyuarat Utama,
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,
Aras 3, Blok E15, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

4. Kehadiran pihak MABOPA amatlah dialu-alukan bagi memastikan sesi libat urus ini dapat mencapai objektif dan menghasilkan penyelarasan yang berkesan dalam pelaksanaan berkaitan hak cipta buku teks KPM.

5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, pihak MABOPA boleh menghubungi **Dr. Rasinah binti Zakaria** di talian **03-8884 4373 / 012-276 9966** (e-mel: rasinah.zakaria@moe.gov.my) atau **Encik Jeremy Andrew Ding** di talian **03-8884 4313 / 010-4477400** (e-mel: jeremy.andrew@moe.gov.my).

..2/

“Peneraju Generasi Digital”

Ruj Kami: KPM.300-6/1/1 ()

Kerjasama dan perhatian pihak MABOPA dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ANIZA BINTI KAMARULZAMAN)
Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan

SESI LIBAT URUS BERKAITAN HAK CIPTA DALAM PENGHASILAN BUKU TEKS

1 message

JEREMY ANDREW DING (MOE) <jeremy.andrew@moe.gov.my>

Wed, Aug 20, 2025 at 3:37 PM

To: mabopahq@gmail.com, president@mabopa.com.my

Cc: "ANIZA BINTI KAMARULZAMAN (MOE)" <aniza@moe.gov.my>, "NORHAYATI BINTI AB WAHAB (MOE)" <norhayati.abwahab@moe.gov.my>, "IHSAN BIN ISMAIL (MOE)" <ihsan.ismail@moe.gov.my>, "RASINAH ZAKARIA (MOE)" <rasinah.zakaria@moe.gov.my>, "UNIT INSTRUMEN DAN HARTA INTELEK (MOE)" <uihi.bstp@moe.gov.my>

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan (KPM) akan mengadakan satu sesi libat urus bersama pihak Malaysia Book Publishers Association (MABOPA) bagi membincangkan perkara berkaitan dengan hak cipta dalam penghasilan buku teks terbitan KPM.

3. Sehubungan dengan itu, pihak MABOPA adalah dijemput untuk hadir ke sesi libat urus tersebut yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 21 Ogos 2025 (Khamis)**Masa:** 9.00 pagi**Tempat:** Bilik Mesyuarat Utama,
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,
Aras 3, Blok E15, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

4. Kehadiran pihak MABOPA amatlah dialu-alukan bagi memastikan sesi libat urus ini dapat mencapai objektif dan menghasilkan penyelarasan yang berkesan dalam pelaksanaan berkaitan hak cipta buku teks KPM.

5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan perkara ini, pihak MABOPA boleh menghubungi **Dr. Rasinah binti Zakaria** di talian **03-8884 4373 / 012-276 9966** (e-mel: rasinah.zakaria@moe.gov.my) atau terus kepada saya seperti butiran di bawah.

Kerjasama dan perhatian pihak MABOPA dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

JEREMY ANDREW DING

Penolong Pengarah

Unit Instrumen dan Harta Intelek

Sektor Standard dan Pengurusan Kualiti

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia

Emel: jeremy.andrew@moe.gov.my

No. Tel: 03-8884 4313/ 010-447 7400


Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.

 **SLU MABOPA.pdf**
489K

EPF ASEAN+ Regional Overview

Siva Sothinathan
Chair, EPF ASEAN+
March 2026
siva@mybookcentre.com



Who we are

Regional forum for educational publishers

Australian Publishers Association: Stuart Glover

Indonesian Publishers Association: Ghazzian Afif & Remon Agus

Malaysian Book Publishers Association: Sivabalan Sothinathan & Sum Lih Kang

New Zealand Publishers Association: Graeme Cosslett

Philippine Educational Publishers Association: Dominador Buhain

Book Development Association of the **Philippines**: Paolo Sibal


Singapore Book Publishers Association: Shing Woei

Publishers and Booksellers Association of **Thailand**: Kompit Panasupon & Trasvin Jittidecharak



Regional Snapshot

K-12 Pop: 116 million
Total Pop: 545 million



What EPF ASEAN+ Has Been Building

Knowledge Base

- textbook policy survey
- market structure comparisons
- print and digital context

Issue Tracking

- government textbook policies
- AI and copyright
- big tech
- curriculum change

Sharing

- Knowledge base and network as comparative advocacy tools
- webinar and MOE/public facing outputs
- bringing regional issues into global conversations

Findings

Member Reported Market Information

Note:

Conditions are evolving.

Some observations reflect major segments of a market rather than every channel nationwide.

Seven Textbook Markets at a Glance

Feature	Australia	Indonesia	Malaysia	New Zealand	Philippines	Singapore	Thailand
Regulatory Model	No formal regulation. <i>(Indirect regulation via public funding and procurement)</i>	Government publishing Approval for supplemental titles	Government publishing Approval w limited offer	No formal regulation. <i>(Rising central provision)</i>	Approval w limited offer	Approval Government publishing <i>(Commissioned)</i>	Government publishing Approval w limited offer
Who purchases	Parents Schools	Schools State Government Fed Government	Government	Schools Some by Ministry	Government	Parents	Schools Government
Digital posture	Strong shift from print-only to digital-first and blended materials	Digitalisation still uneven; strong current push around coding and AI	Print-led with digital extras hosted on govt platforms	Print still important; digital exists but is not dominant	Print-led with digital extras	More digital content from Grade 7 onward	Multiple digital initiatives, but outcomes have been mixed

 = More Centralised

Challenges

Recurring Issues

Government roles expanding: regulator, buyer, publisher, competitor

Thailand: ministry-linked publishing competes with private publishers.

New Zealand: government-funded maths provision is reducing room for local publishers.

Australia: centralisation in curriculum, resource development, and procurement is increasing.

Policy and curriculum change are putting pressure on publishing timelines and investment

Indonesia: repeated curriculum change has forced constant revision and created instability; coding and AI rollout remains unclear in practice.

Philippines: policy intent and implementation are not always aligned in procurement.

Singapore & Malaysia: textbook tenders are increasingly hybrid print-digital.



Challenges

Recurring Issues

In most markets, publisher-government engagement remains limited or uneven.

Push for digital content continues to be strong

In general, AI related issues are less immediate compared to other issues (Exception: Australia: proposed TDM exception matter).



Positive Signals

Australia: publishers successfully resisted a broad AI text-and-data-mining exception; licensing-based frameworks are being explored. **Cross-industry rights advocacy** is effective.

Indonesia: government has earmarked 10% of school funding for books. Improved funding base of publishers.

Philippines: government purchasing of supplementary and library books has resumed after a long hiatus. Improved funding base of publishers. **Increasing importance given to reading related initiatives.**

Malaysia: recent tenders have introduced an indicative pricing band. Potentially reduces “race to the bottom” pricing issues. Lobbying efforts previously highlighted low book prices, their impact on book quality, and **educational outcomes.**



EPF reflection

Where we are and what we can do

Global EPF Principles: Choice, Local solutions, Collaboration

No uniform trend. Progress (or regress) depends on country and issue.

What ASEAN+ may be able to contribute next

- more structured comparative intelligence
- better sharing of practical publisher strategies and their outcomes
- PISA as policy driver; linking industry needs to educational outcomes
- Expert knowledge sharing



Thank You

Siva Sothinathan
Chair, EPF ASEAN+
March 2026
siva@mybookcentre.com



JOHO GROUP SDN BHD (1593389-K)
PEJABAT URUSAN KOTAJAIL,
PENJARA (LAMA) AYER MOLEK,
80000, JOHOR BAHRU, JOHOR

✉ kotajailpam@gmail.com
☎ +6016 - 721 5646

No. Rujukan: 300/1001/1003/301/KJBF/MABOPA
Tarikh: 8 Januari 2026

Encik Syazrul
7-6, Block E2,
Jalan PJU1/42A, Dataran Prima,
47301 Petaling Jaya,
Selangor.

Encik Syazrul,

PENGHARGAAN DAN CADANGAN KERJASAMA BAGI PENGANJURAN " KOTAJAIL BOOK FESTIVAL 2026 " SEMPENA TAHUN MELAWAT JOHOR 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak KOTAJAIL ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Malaysia Book Publishers Association (MABOPA) atas kerjasama dan penglibatan dalam penganjuran Johor Alternative Bookfest yang telah berlangsung di KOTAJAIL, Penjara Ayer Molek, Johor Bahru pada 19 hingga 21 Disember 2025.
3. Penganjuran program tersebut telah memberikan impak yang positif dalam mempromosikan budaya membaca, penerbitan alternatif serta penglibatan komuniti buku dan penggiat industri kreatif. Sokongan dan penyertaan pihak MABOPA telah menyumbang kepada kejayaan program ini serta menyokong usaha memperkukuh ekosistem literasi dan penerbitan tempatan.
4. Sehubungan itu, pihak KOTAJAIL merakamkan penghargaan atas profesionalisme, komitmen serta kesediaan pihak MABOPA dalam menjayakan inisiatif tersebut. Kerjasama yang terjalin ini menjadi rujukan penting bagi penganjuran program literasi dan festival buku yang seterusnya.
5. Dengan mengambil kira penganjuran terdahulu, pihak KOTAJAIL ingin memaklumkan hasrat untuk meneruskan kerjasama bersama MABOPA sempena penganjuran KOTAJAIL Book Fest 2026, yang dijadualkan berlangsung pada 24 hingga 26 Julai 2026 di KOTAJAIL, Penjara Ayer Molek, Johor Bahru, sempena Tahun Melawat Johor 2026.
6. Cadangan kerjasama ini adalah merangkumi penglibatan penerbit dan penulis, pengisian program literasi serta bentuk kolaborasi lain yang bersesuaian dengan peranan dan kepakaran pihak MABOPA.
7. Pihak KOTAJAIL amat menghargai sekiranya pihak MABOPA sudi mempertimbangkan cadangan ini. Pihak kami bersedia mengadakan perbincangan lanjut pada masa yang sesuai sekiranya diperlukan.

Sekian, untuk makluman dan pertimbangan pihak Encik.

Yang benar,


Fadzir Shohimi
Pengarah Kreatif
JOHO GROUP SDN. BHD. | JCS STORE

Laporan Penuh KLAB2026

Disediakan oleh: Syazrul Aqram
Pengurus Projek



Garis Masa KLAB2026



Pasukan Penganjur KLAB2026

Pemilik Jenama KLAB	Amir Muhammad (FIXI)
Penasihat / Compliance	Shake Faisal (MABOPA)
Pengurus Projek	Syazrul Aqram (PATRIOTS-MABOPA)
Pengurus Dokumen	Irdahwati Md Jani (MABOPA)
Pengurus Komuniti	Ainunl Muaiyanah (IBDE-MABOPA)
Pembantu Projek / Acara	Aina Syamimi (PATRIOTS)
Pembantu Projek / Acara	Muhd Fakhru Razi (FIXI)
Pembantu Projek / Penyediaan	Shahmil Hafiz (PATRIOTS)
Konsultan Media Sosial	Peach (INOVATIF WAWASAN)
Pereka Ilustrasi	Saharil Hasrin
Pereka Poster	Syazrul Aqram
Sukarelawan Acara	Seramai tiga orang.

Penaja KLAB2026

- | | |
|-------------------------|-------------------------------|
| 1. MBKM | 9. Nukilan Biruni |
| 2. Perbadanan Kota Buku | 10. OKED & Dua Penulis |
| 3. Buku FIXI | 11. Mangosteen |
| 4. The PATRIOTS | 12. BIBLIO Press |
| 5. IBDE | 13. Media Inspirasi Nusantara |
| 6. IMAN | 14. Grid & Grad |
| 7. PTS | 15. PELANGI |
| 8. Karangraf | 16. MANES |

Rakan Strategik

- Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (Kemudahan pelepasan cukai)
- Pertubuhan Guru Perpustakaan Dan Media Malaysia (Aktiviti)
- Hashtag Media (Konsert)

Maklum Balas Pempamer KLAB2026

Ringkasan Utama

- 40 pempamer telah memberi maklum balas
- 75% pempamer pernah sertai KLAB sebelum ini
- 39/40 ingin sertai lagi
- Kepuasan keseluruhan: 4.25 / 5
- Median jualan: RM7,000
- Jualan tertinggi: RM45,000

Kekuatan Utama

- Lokasi Central Market sangat strategik (skor tertinggi)
- Komunikasi penganjur sangat baik
- *Crowd*/pengunjung berkualiti (*book buyers*)
- Program & aktiviti menarik (*konser*, *stamping*, *performances*)

Isu Utama Pempamer

- Cuaca & khemah *outdoor* (panas, bocor, hujan)
- Lokasi Benteng & tingkat atas kurang trafik
- Susun atur booth tidak seimbang
- Kemudahan: tandas, CCTV, *plug point*, *parking*

Cadangan Penambahbaikan

- Tambah baik struktur khemah & perlindungan cuaca
- Susun atur semula kawasan Benteng & tingkat atas
- Perkuat promosi untuk zon luar
- Tambah kemudahan asas (fan, CCTV, signage, parking khas)

Jumlah Pengunjung KLAB2026

D1	Jumaat 30 Jan	: 19,953
D2	Sabtu 31 Jan	: 24,189
D3	Ahad 1 Feb	: 24,573
D4	Isnin 2 Feb	: 21,556
D5	Selasa 3 Feb	: 15,771

Jumlah terkumpul: 106,042

Jumlah likes dan pengikut akaun media sosial
ketika KLAB 2025

Tiktok - 1,073 pengikut, 29,800 likes
Instagram - 2,933 pengikut, 29,924 likes


Jumlah likes dan pengikut akaun media sosial
selepas KLAB 2026

Tiktok - 1,215 pengikut, 35,100 likes
Instagram - 4,240 pengikut, 73,357 likes

Laporan Kewangan (P&L) Kuala Lumpur Alternative Bookfest 2026


Income	(RM)	Sound system	3,000.00
Booth	82,500.00	Printing	370.94
Sponsor	62,000.00		
Stage	350.00	<i>Social media marketing</i>	
Total Income	144,850.00	Consultant fee	4,000.00
Expenses		Illustration	1,080.00
Management fee (MBKM)	5,200.00	Advertising	1,000.00
<i>Venue</i>		<i>Activity</i>	
Venue rental	49,480.00	Buskers/Artist	3,350.00
C-Space Gallery	5,400.00	Merchandise & Gift	980.90
Booth set rental	360.00	PGPMM	3,500.00
Chair rental	450.00	<i>Others</i>	
Electric DB	500.00	Allowance	3,260.00
<i>Contractor</i>		Wages	4,500.00
Photobooth	2,376.00	Food & Drinks	120.00
Table	5,184.00	License	725.00
Backdrop	3,564.00	Logistic	1,091.40
Banner	3,024.00	<i>Penalty</i>	
Arch	3,240.00	Late Opening	nil
Directory	1,296.00	Total Expenses	138,700.82
Canopy	19,440.00	Profit/(Loss)	6,149.18
Bench	864.00	Profit portion	
Bunting	2,073.60	MABOPA (60%)	3,689.50
Mascot	5,400.00	FIXI (20%)	1,229.83
Transportation	1,296.00	The Patriots (20%)	1,229.83
Discount	-75.60		
<i>Equipment</i>			
Lanyard	146.12		
Tent Set	2,128.80		
Table	375.66		

Lampiran Poster



Pelan Lantai KLAB2026

KL Alternative Bookfest
KLAB 2026



- Pemasang Emas KLAB
- Pemasang Perak KLAB
- Reramai Normal

Atrium Indoor

- 1&2 KARANGKRAF
- 3 Marjin Kiri
- 4 Dakwah Corner Bookstore
- 5 Gerak Budaya
- 6 BookCafe
- 7 PELANGI
- 8&9 IMAN
- 10 Buku Bestnya
- 11 Pustaka TAYBAH
- 12&13 The PATRIOTS
- 14 OKED (Dua Penulis)
- 15&16 Buku FIXI
- 17&18 IBDE
- 19 Kata Pilar
- 20 Pelita Zihin
- 21 MANES
- 22&23 PTS
- 24&25 Mangosteene
- 26&27 Nukilan Biruni
- 28 Hikayat Fandom
- 29 KUALITI Books

- 30 Media Inspirasi Nusantara
 - 31&32 BIBLIO Press
 - 33 PROLOG Media
 - 34 LI Books
 - 35&36 Grid Grad
 - 37 ILHAM Books
 - 38 Rabak-Lit
- Atrium Indoor Bridge**
- M1 Kawah Buku
 - M2 Nusa Centre
 - M3 Sunda Shelves
 - M4 Tam Maba Studio
 - M5 Maple Comics
 - M6 Bukuku Press
 - M7 Moka Mocha Ink
 - M8 Akafaraz Publishing
 - M9 Kemves Studios
 - M10 MABOPA
 - M11 Arz Eyewear

Artlane Outdoor

- A1 Heartbaal Store (Kraf)
 - A2 GEMOK&BUKU
 - A3 Casa Kids Book
 - A4 Safiy Arts & Publishing
 - A5 Koperasi Penulis Nasional
 - A6 Dubook Press
 - A7 Langit Orang Lidi
 - A8 The Bintang Handcrafted (Kraf)
 - A9 The Chaotic Bookshelf
 - A10 EMILATOPIA
 - A11 Ton Alia Nadirah
 - A12 Whitleilly Writes
 - A13 MOOSH (Kraf)
 - A14 Sixteen Beads (Kraf)
 - A15 Mighty Fafa (Kraf)
- Penteng Outdoor**
- B1 Smart Forum Resources
 - B2 Penerbit UMS
 - B3 Ink Loaf Publication
 - B4 Prolog, Cherita & Kopi (F&B)

- B5 Tentang Kita
- B6 Kedai Dr Maszlee
- B7 FTS Innovate (Kraf)
- B8 JIWA
- B9 Karyawan Mandiri
- B10 Pak Latif & Keluarga
- B11 Onde Orkid (Kraf)
- B12 Ktees myaksesori (Kraf)
- B13 By Neens venture (Kraf)
- B14 Cocobanana (Kraf)
- B15 Vintage Street (Kraf)
- B16 d' ELEMENTS (F&B)
- B17 Sugarpop (Kraf)
- B18 Steadfast 3D Solution (Kraf)
- B19 FraglabMy (Kraf)
- B20 Constance & J (Kraf)
- B21 Hauslah Avocado (F&B)
- B22 BON COEUR (F&B)
- B23 NERRYS Enterprise (F&B)
- B24 Almabrew (F&B)
- B25 Plons Box Cafe (F&B)
- B26 Mummy Sha Legacy (F&B)


MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(PPM-002-10-14011969)

 No. 7-6, Block E2, Jalan PJJU 1/42A, Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
 Tel: +603 7880 5840 Fax: +603 7880 5841 E-mail: info@mabopa.com.my Website: www.mabopa.com.my

Rujukan Kami: mabopa/mikl@sh/2025(1)

Tarikh: 3 Julai 2025

Kepada :

YBrs. Tuan Mohd. Khair bin Ngadiron
Urus Setia Tetap

 Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
 Kementerian Pendidikan Malaysia
 Aras 1, Blok 2251, Bangunan Mustapha Kamal,
 Jalan Usahawan 1, 63000 Cyberjaya,
 Selangor.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBrs. Tuan Mohd Khair Ngadiron,

RAKAN KOLABORASI MADE IN KL @SEMUA HOUSE

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dengan kerjasama Buku Fixi, The Patriots dan Semua House akan menganjurkan *Made in KL @Semua House* (MIKL@SH) mulai 30 Ogos 2025 hingga 1 September 2025 bertempat di Semua House, Kuala Lumpur, 10.00 pagi hingga 8.00 malam.

3. *Made In KL @Semua House* merupakan sebuah acara buku dan kraf hasil tempatan yang meraikan kreativiti serta bakat penulis dan pereka kraf dari Malaysia. Edisi sulung acara ini diadakan dengan kerjasama Semua House KL, yang kini berwajah baharu sebagai rakan kongsi lokasi rasmi kami.

Berlangsung sempena hujung minggu Hari Kebangsaan, acara ini bakal menghimpunkan peminat buku, penerbit, penulis, penggiat seni dan kraf, serta komuniti kreatif dari seluruh Lembah Klang. *Made In KL* bukan sahaja mengetengahkan produk tempatan, tetapi juga menjadi platform untuk menjalin hubungan antara pengkarya dan pengunjung.

4. Sehubungan dengan itu, MABOPA dengan sukacitanya menjemput Urusetia Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) untuk menjadi rakan kolaborasi MIKL@SH. Diharapkan jalinan kerjasama ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada penerbit dan industri buku tanah air, malah turut memberi impak positif kepada pencinta buku serta warga Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.

5. Untuk makluman YBrs. tuan, **penyertaan MBKM sebagai rakan kolaborasi tidak melibatkan sebarang kos**. Namun begitu, MABOPA amat menghargai sekiranya pihak MBKM dapat

mabopa/mikl@sh/2025(1)

bersama-sama mempromosikan acara ini dan memberi kebenaran penggunaan logo rasmi MBKM dalam semua bahan promosi berkaitan Made In KL @Semua House.

